

Bahagian B

[30 markah]

- 1 Dalam bahan di bawah, terdapat **dua** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

CERAMAH USAHAWAN MUDA BERJAYA**Sessi 1****Masa:** 8:00 pagi hingga 12:00 tengahari**Tarikh:** 27 Julai 2026**Tempat:** Dewan Gemilang

- ♦ Makanan dan sijiil disediakan
- ♦ Bimbingan daripada usahawan popular
- ♦ Beg dan alat tulis juga disediakan

(a) _____

(b) _____

Kesalahan Ejaan | Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosakata | Aras: R [2 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (a) Pihak kerajaan memperlebarkan jalan raya itu untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas.

- (b) Abang memaklumkan yang dia tidak sihat sejak malam semalam.

Kesalahan Bahasa | Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa | Aras: R [2 markah]

- 3 Tukarkan **ayat aktif** yang diberikan kepada **ayat pasif**.


- (a) Puan Azizah memuji Azmi kerana dia telah menyelamatkan mangsa lemas itu.

- (b) Ibu bapa harus mengawasi tingkah laku anak-anak supaya mereka tidak tersalah langkah.


Sintaksis – Struktur Ayat | Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa | Aras: S [4 markah]

- 4 Lihat bahan di bawah dengan telitinya.
Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.

(a)



(b)



Peribahasa / Pengetahuan Sistem Bahasa – Peribahasa / Aras: T [2 markah]